

Nº 0079

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1993**

**BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE***

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan menetapkan kelayakan Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* bagi pegawai kerajaan yang dikehendaki hadir di majlis rasmi dan disyaratkan memakai pakaian *Black Tie*.

**LATAR BELAKANG**

2. Adalah didapati bahawa pada masa ini sering terdapat majlis-majlis rasmi yang menetapkan pemakaian *Black Tie*. Pakaian *Black Tie* adalah merupakan pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam. Pakaian ini tidak termasuk dalam pakaian rasmi yang melayakkan dibayar Bayaran Pakaian Istiadat berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1989. Kerajaan telah mengkaji keperluan pemakaian pakaian *Black Tie* dan bersetuju supaya pegawai yang disyaratkan memakainya berkecualan diberi bantuan pembayaran. Komponen pakaian *Black Tie* adalah seperti di Lampiran A1. Contoh-contoh pakaian *Black Tie* adalah seperti di Lampiran "B".

**KELAYAKAN BANTUAN BAYARAN PAKAIAN *BLACK TIE***

3. Pegawai kerajaan yang dikehendaki hadir di majlis rasmi dan disyaratkan memakai *Black Tie* berkecualan menuntut bantuan bayaran berdasarkan harga resit tertakluk kepada had maksimum RM500.00 untuk tempoh 3 tahun sekali. Tuntutan bayaran balik bantuan tersebut hendaklah disertakan dengan resit dan surat jemputan yang mensyaratkan pemakaian *Black Tie*.

4. Pegawai wanita juga adalah layak menuntut Bantuan Bayaran Balik harga pakaian yang dibuat bagi tujuan menghadiri majlis yang menghendaki memakai *Black Tie* dengan syarat-syarat yang sama seperti disebutkan di perenggan 3 di atas. Pakaian pegawai wanita yang sesuai adalah seperti yang dinyatakan di Lampiran "A2".


**TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1993.

**PEMAKAIAN**

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

21 Mei 1993

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

*s.k.*

Semua YB. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Pengarah Badan-badan Berkanun  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan


**Komponen Pakaian *Black Tie* \***


Bil.	Pakaian	Warna	Lain-lain Keterangan
1.	Jaket	Hitam	— berlapel satin atau sutera
2.	Seluar Panjang	Hitam	— berjalur hitam berkilat di kiri kanan
3.	Kemeja	Putih	— "dress shirt with wing or normal collar"
4.	Bengkong	Hitam	— dari kain sutera hitam
5.	Bow	Hitam	— dasi kupu-kupu (bow-tie)


\* Pakaian ini dikenali juga sebagai Dinner Jacket atau Tuxedo.


**Pakaian Untuk Wanita**

1. Baju Kurung Berselendang.
2. Baju Kebaya Berselendang.
3. Pakaian Petang (Evening Dress).









DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD.  
IBU PEJABAT, KUALA LUMPUR